

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

AOP 403 PEMBANGUNAN USAHAWAN

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.  
(3 jam)

---

Arahan:

Jawab 3 soalan semuanya.

Bahagian A: Soalan 1 wajib dijawab.

Bahagian B: Pilih dan jawab 2 soalan sahaja.

BAHAGIAN A

1. Apakah peranan keciptaan di dalam pembangunan usahawan.

BAHAGIAN B

2. Bincangkan kepentingan masyarakat sendiri dan permintaan khas pengguna sebagai asas permulaan sebarang perusahaan. Huraikan sejauhmanakah kedua aspek ini memainkan peranan di dalam menentukan samada seorang itu mungkin berjaya atau tidak di dalam perusahaannya.

...2/-

3. Terangkan perbezaan di antara perniagaan berorientasi-perkhidmatan dan perniagaan berorientasi-produk. Andaikata anda seorang pengusaha di dalam sebuah perniagaan berorientasi-perkhidmatan baru; bincangkan tindakan-tindakan pemasaran yang anda akan ambil terutamanya di dalam aspek-aspek berikut:
  - (a) perletakan harga.
  - (b) promosi.
  
4. (a) Sebagai seorang perunding, huraikan faktor-faktor utama yang akan anda sentuhi untuk membimbing bakal-bakal pengusaha di dalam penubuhan sebuah kilang perusahaan kecil.
  - (b) Bincangkan sumber-sumber bantuan kewangan yang boleh didapati dari agensi-agensi kerajaan untuk perusahaan kecil.
  
5. (a) Bincangkan faktor-faktor yang perlu diambilkira di dalam memilih lokasi untuk sebuah perniagaan runcit. Terangkan juga peranan penyelidikan pemasaran dan bagaimana ianya dapat membantu peniaga runcit tersebut.
  - (b) Huraikan kenapa insurans merupakan satu aspek yang penting untuk sesebuah perniagaan, terutama sekali untuk perniagaan jenis perkongsian.

- oooOooo -